

Stadium Merdeka warisan kebangsaan

UM: 9/7/2007

Oleh HATA WAHARI

KUALA LUMPUR 8 Julai – Stadium Merdeka yang menjadi tempat bersejarah kerana di situlah pengisytiharan kemerdekaan dilaungkan 50 tahun lalu akan diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada 31 Ogos ini.

Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr. Rais Yatim memberitahu, stadium itu merupakan warisan yang paling bernilai dan wajar statusnya sebagai warisan kebangsaan diisytiharkan pada tarikh itu.

Beliau menjelaskan, kementeriannya tidak pernah mengugurkan Stadium Merdeka sebagai warisan kebangsaan, malah

Pengisytiharan Stadium Merdeka sebagai warisan kebangsaan akan dilakukan dalam acara yang gilang-gemilang dan dihadiri oleh raja-raja Melayu

pihaknya mempunyai perancangan yang lebih terperinci untuk stadium itu.

“Pengisytiharan Stadium Merdeka sebagai warisan kebangsaan akan dilakukan dalam acara gilang-gemilang dan dihadiri oleh raja-raja Melayu dan para pembesar luar negara,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas komen dalam ruangan rencana *Mingguan Malay-*

sia hari ini yang mempersoalkan mengapa Stadium Merdeka tidak diletakkan dalam senarai warisan kebangsaan.

Kelmarin, Rais mengisytiharkan 50 warisan kebangsaan yang akan dipelihara dan dikekalkan untuk tatapan generasi akan datang.

Antara 50 warisan kebangsaan itu ialah Masjid Negara dan Makam Pahlawan, Bangunan Parlimen, Tugu Negara, Jalur Gemilang, Bunga Raya, Perak Man,

lagu *Negaraku*, makyung dan tarian singa atas tiang.

Rais menegaskan, pada masa ini Stadium Merdeka sedang diperbaiki untuk dikembalikan kepada keadaan asal memandangkan terdapat beberapa perubahan dilakukan ke atas stadium itu sejak 50 tahun lalu.

“Kita mahukan Stadium Merdeka kekal seperti yang asal. Kerja-kerja pemuliharaan dan baik pulih akan siap akhir bulan ini,” katanya.

Beliau berkata, lebih banyak bangunan dan warisan lain akan diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan.

“Tahun ini diisytiharkan sebanyak 50, mungkin pada tahun depan akan diisytiharkan lagi 50 dan ia akan dilakukan setiap tahun,” jelasnya.

DR. RAIS YATIM
Menteri
Kebudayaan,
Kesenian
dan Warisan